



PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the Alliance Bank Debit Card or Alliance Islamic Bank Debit Card-i. Be sure to also read the General Terms and Conditions which is available on our website at www.alliancebank.com.my).

ALLIANCE BANK MALAYSIA BERHAD

ALLIANCE BANK DEBIT CARD

ALLIANCE ISLAMIC BANK DEBIT CARD-i

1. What is this product about?

The Alliance Bank Debit Card (“Debit Card”) and Alliance Islamic Bank Debit Card-i (“Debit Card-i”) are payment instruments cum Automated Teller Machine (“ATM”) cards that allow you to pay for goods and services from your deposit account at participating retail and service outlets. The Debit Card or Debit Card-i also allows you to withdraw cash at ATMs worldwide. You are required to maintain an eligible deposit account with us, to be linked to your Debit Card or Debit Card-i. If you close your eligible deposit account with us, you will not be able to perform any transaction(s) via the Debit Card or Debit Card-i.

The Debit Card-i is based on the Shariah concept of Ijarah (lease) which means a contract of leasing or wages of an asset or labour at pre-determined leasing charges/wages and duration. In the context of the Debit Card-i, it refers to the Cardholder agreeing to lease the card facility and service from the Bank for an annual Ujrah (fee) and the usage of the Debit Card-i shall be subject to the applicable General Terms and Conditions on the Bank’s website or as attached hereto.

2. What are the fees and charges that I have to pay?

Card Issuance/Annual Fee*	RM12.00 (for Hybrid/Hybrid-i accounts) RM8.00 (for other accounts)	Sales Draft Retrieval Fee*	RM20.00 per copy
Card Replacement Fee	RM12.00 (for Hybrid/Hybrid-i accounts) RM8.00 (for other accounts)	CIRRUS cash withdrawal*	RM8.00 per transaction
MEPS cash withdrawal at: • Other local banks* • Locally incorporated foreign banks*	RM1.00 per transaction	CIRRUS balance inquiry*	RM1.00 per transaction
		Overseas Transactions Conversion Fee	Transactions made in foreign currency shall be converted to Ringgit Malaysia at the conversion rate and charges as determined by Mastercard or Visa and shall be inclusive of 1% foreign exchange conversion spread by Alliance Bank.

3. Daily Limit

Product	Daily Purchase Limit (RM)		Daily ATM Limit (RM)	
	Default	Max	Default	Max
eSaving				
Hybrid Standard	1,000	Up to 5,000	3,000	Up to 10,000
Hybrid AP Platinum				
Hybrid PB Platinum		Up to 8,000		

Note:

- You can change your settings for daily purchase and daily ATM limit at any Alliance Bank ATMs.
- Purchase limit includes retail purchases made via Mastercard payment network, up to the daily limit set.
- ATM limit includes ATM withdrawal and retail purchases made via MyDebit payment network, up to daily limit set.

4. What are the key terms and conditions?

Pre-authorization at Automated Fuel Dispenser (“Self-Service Pump”)

- A pre-authorization amount of RM200.00 (“Pre-authorization Amount”) is required for petrol transaction at the self-service pump. The Pre-authorization Amount is a temporary hold from your deposit account’s available balance before petrol is filled.
- The Pre-authorization Amount will be cleared within three (3) days and the actual amount for the petrol transaction will be debited from your deposit account.
- Alternatively, you may opt to pay for petrol transaction at the cashier to avoid any Pre-authorization Amount hold.

Cash Back for Overseas Retail Purchases in Foreign Currency

Card Type	Alliance Hybrid Standard	Alliance AP Platinum	Alliance PB Platinum
Cash Back	1.0% Cash Back	1.5% Cash Back	2% Cash Back
Capping	RM50 per month	RM100 per month	RM200 per month

The Cash Back will be credited into your deposit account based on statement cycle.

Contactless Functionality

- A fast, easy, convenient and secure way to pay with just a tap to the contactless reader when prompted.
- The contactless limit is defaulted at RM250. No PIN is required for any transactions up to RM250 in Malaysia, however for transactions RM250 and above, PIN will be required. You have the choice to select the preferred limit for daily cumulative limit and transaction limit.
- You can disable contactless feature and select your preferred contactless limits via any Alliance Bank Branches, ATMs or call Contact Centre at 03-5516 9988.

MyDebit Cash Out Functionality

- A convenient alternative for you to withdraw cash from participating merchants when you make a purchase.
- You need to pay MyDebit Cash Out fee of RM0.50 per transaction for the use of MyDebit Cash Out facility.
- The default limit is set at RM500.00 per transaction.
- You can disable this feature or select your preferred limit via any Alliance Bank ATM.

5. What if I failed to fulfil my obligations?

- You would not be liable for card-present unauthorised transactions which require PIN verification or signature verification or the use of a contactless Debit Card, provided you have not:
 - acted fraudulently;
 - delayed in notifying the Bank as soon as reasonably practicable after having discovered the loss or unauthorised use of your Debit Card;
 - voluntarily disclosed the PIN to another person;
 - recorded the PIN on your Debit Card or on anything kept in close proximity with the Debit Card;
 - left your Debit Card or an item containing the Debit Card unattended in places visible and accessible to others; or
 - voluntarily allowed another person to use your Debit Card.
- You shall notify the Bank immediately upon receiving short message service (SMS) transaction alert if the transaction was unauthorized.

6. What are the major risks?

You should never disclose the details of your Debit Card or Debit Card-i or PIN number to other parties and should always keep them with you at all times and take prudent measures or precautions to prevent the loss, misuse and/or abuse of your Debit Card or Debit Card-i and your PIN number.

If your Debit Card or Debit Card-i is lost or stolen, you must notify us immediately at 03-5516 9988 to block your lost or stolen Debit Card or Debit Card-i.

7. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change(s) to your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner. You can visit any of our branches to update your contact details accordingly.

8. Where can I get further information?

If you have any enquiries, please contact us at 03-5516 9988 or visit www.alliancebank.com.my or any Alliance Bank branches nationwide.

If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Ombudsman for Financial Services (OFS) at: **Ombudsman for Financial Services (OFS)**

Alamat: Level 14, Menara Takaful Malaysia, No.4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
 Tel : 03-2272 2811
 Fax : 03-2272 1577
 Email : enquiry@ofs.org.my



LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

(Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Kad Debit Alliance Bank atau Kad Debit-i Alliance Islamic Bank. Pastikan anda juga membaca Terma dan Syarat Am yang terdapat di laman web kami di www.alliancebank.com.my).

ALLIANCE BANK MALAYSIA BERHAD

KAD DEBIT ALLIANCE BANK

KAD DEBIT-i ALLIANCE ISLAMIC BANK

1. Apakah produk ini?

Kad Debit Alliance Bank ("Kad Debit") dan Kad Debit-i Alliance Islamic Bank ("Kad Debit-i") adalah kemudahan pembayaran merangkap kad Mesin Juruwang Automatik ("ATM") yang membolehkan anda membuat bayaran bagi barangan dan perkhidmatan dari akaun deposit anda di rangkaian peruncit dan perkhidmatan yang mengambil bahagian. Kad Debit atau Kad Debit-i ini juga membolehkan anda mengeluarkan wang di mana-mana mesin ATM di seluruh dunia. Anda dikehendaki untuk mengekalkan satu akaun deposit yang berkelayakan dengan kami untuk dihubungkan ke Kad Debit atau Kad Debit-i anda. Sekiranya anda menutup akaun deposit yang berkelayakan anda dengan kami, anda tidak boleh melaksanakan sebarang transaksi menerusi Kad Debit atau Kad Debit-i anda.

Kad Debit-i adalah berdasarkan konsep Syariah iaitu Ijarah (sewa) yang bermaksud kontrak sewa atau upah untuk aset atau perkhidmatan pada kadar sewa/upah dan tempoh yang telah ditetapkan. Dalam konteks Kad Debit-i, ia merujuk kepada Pemegang Kad bersetuju untuk menyewa kemudahan dan perkhidmatan kad dari pihak Bank dengan bayaran Ujrah (yuran) tahunan dan penggunaan Kad Debit-i tersebut adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Am berkenaan yang terdapat di laman sesawang Bank atau seperti yang terkandung di sini.

2. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran Pengeluaran/ Yuran Tahunan Kad*	RM12.00 (untuk akaun Hybrid/Hybrid-i) RM8.00 (untuk akaun lain)	Yuran Cetakan Semula Draf Jualan*	RM20.00 setiap salinan
Yuran Penggantian Kad	RM12.00 (untuk akaun Hybrid/Hybrid-i) RM8.00 (untuk akaun lain)	Pengeluaran tunai CIRRUS*	RM8.00 setiap transaksi
Pengeluaran tunai MEPS di: • Bank-bank tempatan lain* • Bank-bank asing yang diperbadankan di Malaysia*	RM1.00 setiap transaksi	Pertanyaan baki CIRRUS*	RM1.00 setiap transaksi
		Yuran Penukaran Transaksi Luar Negara	Transaksi yang dibuat dalam mata wang asing akan ditukarkan ke Ringgit Malaysia pada kadar dan caj penukaran seperti yang ditentukan oleh Mastercard atau Visa dan termasuk 1% penukaran wang asing yang dikenakan oleh Alliance Bank.

3. Had Harian

Produk	Had Pembelian Harian (RM)		Had ATM Harian (RM)	
	Nilai Tetap	Maksimum	Nilai Tetap	Maksimum
eSaving	1,000	Sehingga 5,000	3,000	Sehingga 10,000
Hybrid Standard				
Hybrid AP Platinum				
Hybrid PB Platinum				
		Sehingga 8,000		

Nota:

- Anda boleh menukar tetapan had pembelian harian dan had ATM harian di mana-mana ATM Alliance Bank.
- Had pembelian termasuk pembelian runcit yang dibuat melalui rangkaian pembayaran Mastercard, sehingga had harian yang ditetapkan
- Had ATM termasuk pengeluaran ATM dan pembelian runcit yang dibuat melalui rangkaian pembayaran MyDebit, sehingga had harian yang ditetapkan.

4. Apakah terma dan syarat utama?

Pra-kebenaran di Pam Minyak Automatik ("Pam Layan-Diri")

- Amaun pra-kebenaran berjumlah RM200.00 ("Amaun Pra-kebenaran") diperlukan untuk transaksi petrol di pam layan-diri. Amaun Pra-kebenaran akan ditahan sementara dari baki sedia ada dalam akaun deposit anda sebelum petrol diisi.
- Amaun Pra-kebenaran ini kemudiannya akan dikosongkan dalam tempoh tiga (3) hari dan amaun sebenar transaksi petrol akan didebitkan dari akaun deposit anda.
- Secara alternatif, anda boleh membuat bayaran untuk transaksi petrol di kaunter juruwang untuk mengelakkan pegangan Amaun Pra-kebenaran.

Pulangan Tunai untuk Pembelian Runcit di Luar Negara dengan Matawang Asing

Jenis Kad	Alliance Hybrid Standard	Alliance AP Platinum	Alliance PB Platinum
Pulangan Tunai	Pulangan Tunai 1.0%	Pulangan Tunai 1.5%	Pulangan Tunai 2%
Had	RM50 sebulan	RM100 sebulan	RM200 sebulan

Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun deposit anda berdasarkan kitaran penyata.

Fungsi Tanpa Sentuh

- Satu cara pantas, senang, mudah dan selamat dengan hanya satu cuitan di pembaca tanpa sentuh apabila diminta.
- Had tanpa sentuh ditetapkan pada RM250. PIN tidak diperlukan untuk sebarang transaksi berjumlah bawah RM250 di Malaysia, namun PIN diperlukan bagi transaksi RM250 dan ke atas. Anda mempunyai pilihan untuk menetapkan had pilihan untuk had terkumpul harian dan had transaksi.
- Anda boleh melupuhkan ciri tanpa sentuh dan pilih had tanpa sentuh anda melalui mana-mana cawangan Alliance Bank, ATMs atau hubungi pusat hubungan di talian 03-55169988.

Fungsi Pengeluaran Tunai MyDebit

- Alternatif yang mudah untuk anda mengeluarkan wang dari saudagar-saudagar yang mengambil bahagian apabila anda membuat pembelian.
- Anda perlu membayar fi pengeluaran tunai MyDebit sebanyak RM0.50 setiap transaksi untuk penggunaan kemudahan pengeluaran tunai MyDebit.
- Had asal ditetapkan pada RM500.00 bagi setiap transaksi.
- Anda boleh mematikan ciri ini atau tetapkan had pilihan anda di mana-mana ATM Alliance Bank.

5. Bagaimanakah sekiranya saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

- Anda tidak akan bertanggungjawab untuk transaksi tidak dibenarkan kad dikemukakan yang memerlukan pengesahan PIN atau tandatangan atau penggunaan Kad Debit tanpa sentuh, dengan syarat anda tidak:
 - melakukan penipuan;
 - lewat dalam memaklumkan pihak Bank dengan secepat mungkin selepas menyedari akan kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran Kad Debit anda;
 - secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain;
 - merekodkan PIN di atas Kad Debit atau di atas apa-apa yang disimpan berdekatan dengan Kad Debit;
 - meninggalkan Kad Debit atau barangan yang mengandungi Kad Debit tanpa pengawasan di tempat-tempat yang boleh dilihat dan diakses oleh orang lain, atau;
 - secara sukarela membenarkan orang lain untuk menggunakan Kad Debit anda.
- Anda hendaklah memaklumkan pihak Bank dengan serta merta apabila menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) amaran transaksi sekiranya transaksi tersebut adalah transaksi tidak dibenarkan.

6. Apakah risiko utama?

Anda tidak harus sesekali mendedahkan butiran Kad Debit atau Kad Debit-i atau nombor PIN kepada pihak lain dan seharusnya menyimpan butiran tersebut dengan anda pada setiap masa dan mengambil langkah berhati-hati atau berjaga-jaga bagi mengelakkan kehilangan dan/atau penyalahgunaan Kad Debit atau Kad Debit-i dan nombor PIN anda.

Sekiranya Kad Debit atau Kad Debit-i anda hilang atau dicuri, anda harus memaklumkan pihak kami dengan kadar segera di talian 03-5516 9988 untuk menyekat Kad Debit atau Kad Debit-i anda yang telah hilang atau dicuri.

7. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada maklumat perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan anda untuk memastikan segala surat-menyurat diterima tepat pada masanya. Anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda.

8. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di talian 03-5516 9988 atau layari www.alliancebank.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan Alliance Bank di seluruh negara.

Jika pertanyaan atau aduan tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Ombudsman for Financial Services (OFS) di:

Ombudsman for Financial Services (OFS)

Alamat: Level 14, Menara Takaful Malaysia, No.4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2272 2811
Fax : 03-2272 1577
Email : enquiry@ofs.org.my